

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

ATW211 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. (a) Time Inc. mengilang sejenis bahan pencuci melalui satu proses yang berterusan. Rekod perakaunan syarikat menunjukkan inventori kerja dalam proses pada 31 Disember 1994 sebanyak 600,000 unit (50% siap dari segi buruh langsung dan overhead) yang mengandungi kos bahan mentah RM780,000, kos buruh langsung RM600,000 dan kos overhead kilang RM360,000.

Bahan mentah dimasukkan pada permulaan proses dan overhead kilang diserapkan pada kadar 60% daripada kos buruh langsung. Tiada terdapat sebarang inventori barangsiap pada awal tahun.

Rekod perakaunan syarikat juga menunjukkan inventori kerja dalam proses pada 1 Januari 1994 sebanyak 400,000 unit (80% siap dari segi buruh langsung dan overhead) yang mengandungi kos bahan mentah RM280,000 dan kos buruh langsung RM640,000.

Unit yang dimulakan dalam tahun 1994 berjumlah 2 juta dan kosnya ialah RM2,000,000 bagi bahan mentah dan RM3,560,000 bagi buruh langsung. Unit siap dalam tahun 1994 berjumlah 1,800,000.

...2/-

Dikehendaki:

Sediakan laporan kos pengeluaran bagi tahun 1994 dengan menggunakan kaedah purata wajar.

[15 markah]

- (b) Bezakan dengan ringkas kaedah langsung, kaedah menurun dan kaedah resiprokal untuk menguntukkan kos jabatan servis kepada jabatan pengeluaran. Terangkan di dalam keadaan bagaimana kaedah-kaedah tersebut wajar digunakan.

[10 markah]

2. (a) Syarikat Rard adalah pengedar coklat jenama yang terkenal. Pengarah urusan syarikat itu sedang merangka strategi kewangan untuk tahun hadapan. Beliau telah mengumpul data berikut mengenai operasi tahun hadapan:

Jualan yang dijangka	500,000 kotak
Harga jualan sekotak	RM6.40
Kos tetap	RM844,800
Kos boleh ubah:	
Kos coklat	RM3.20/kotak
Jualan dan tadbiran	RM0.64/kotak

Dikehendaki:

- (i) Berapakah margin caruman sekotak coklat?
- (ii) Berapakah titik pulang modal dari segi ringgit dan kuantiti kotak?
- (iii) Berapakah pendapatan yang dijangka?
- (iv) Kirakan margin keselamatan yang dijangka. Apakah maksud angka ini?
- (v) Dengan menggunakan contoh di atas terangkan maksud "Darjah Leverej Operasi".

...3/-

- (vi) Sekiranya kos coklat meningkat 20%, berapakah harga jualan yang perlu diletak supaya nisbah margin caruman sekarang dapat dikekalkan?
- (vii) Sekiranya kos coklat meningkat 20% dan harga jualan kekal RM6.40 sekotak, berapakah titik pulang modal dari segi ringgit dan kuantiti kotak?

[16 markah]

- (b) Terangkan bagaimana harga pindahan boleh memberi kesan kepada pengukur prestasi, keuntungan keseluruhan firma, dan keputusan untuk pemencaran (decentralisation) proses membuat keputusan.

[9 markah]

3. Syarikat Brewer mengeluarkan sejenis alat memotong bagi kegunaan industri. Pengeluaran alat tersebut menggunakan dua jenis bahan. Satu alat memotong memerlukan dua paun Bahan X dan satu paun Bahan Y.

Dasar inventori syarikat ialah, pada setiap akhir bulan inventori barangsiap berjumlah 20% daripada anggaran jualan bulan berikutnya. Inventori bahan langsung pada akhir bulan harus memenuhi keperluan pengeluaran alat pemotong bagi bulan yang berikutnya. Inventori pada 31 Disember 1994 adalah seperti berikut:

Alat pemotong	19,200 unit
Bahan X	192,000 paun
Bahan Y	96,000 paun

Anggaran jualan alat pemotong bagi lima bulan pertama tahun 1995 adalah seperti berikut:

	<u>Unit</u>
Januari	98,000
Februari	130,000
Mac	115,000
April	132,000
Mei	132,000

...4/-

Dikehendaki:

- (i) Sediakan belanjawan pengeluaran bagi suku tahun pertama tahun 1995.
- (ii) Sediakan belanjawan belian bahan langsung (paun) bagi suku tahun pertama tahun 1995.
- (iii) Terangkan dengan ringkas maksud belanjawan fleksibel.

[25 markah]

4. (a) Syarikat Flame yang membuat sejenis dapur gas sedang mempertimbang penambahan pengeluaran. Sebuah syarikat pengedar telah meminta Flame membekal pesanan khas sebanyak 8,000 unit dapur. Dapur yang dipesan khas ini akan dijual oleh pengedar berkenaan dengan jenama yang lain dan tidak akan menjejaskan jualan semasa Flame. Loji Flame kini mengeluarkan 95,000 unit setahun yang mana kapasiti maksimum setahun ialah 100,000 unit. Maka Syarikat Flame harus mengurangkan pengeluaran jenamanya sendiri sebanyak 3,000 unit sekiranya pesanan khas itu diterima.

Penyata pendapatan syarikat bagi tahun lepas diberikan di bawah ini:

Jualan (95,000 unit)		RM7,125,000
Kos barang dijual:		
Bahan langsung	RM2,375,000	
Buruh langsung	1,900,000	
Overhed kilang	1,425,000	5,700,000
	<hr/>	<hr/>
Untung kasar		1,425,000
Belanja jualan	575,000	
Belanja tadbiran	237,500	812,500
	<hr/>	<hr/>
Pendapatan bersih		RM 612,500
		=====

Overhed kilang ialah RM10 seunit dan belanja jualan RM5 seunit. Belanja tadbiran semuanya tetap dan akan meningkat lagi RM5,000 sekiranya pesanan khas itu diterima. Tiada sebarang kos jualan boleh ubah yang berkaitan dengan pesanan khas manakala kos overhed boleh ubah akan kekal. Kos buruh langsung seunit bagi pesanan khas akan meningkat 20% sementara kos bahan seunit bagi pesanan khas itu meningkat 10%. Overhed tetap dan belanja jualan tetap tidak akan bertukar.

...5/-

Dikehendaki:

Sekiranya pengedar berkenaan menawarkan harga RM65 seunit bagi pesanan khas itu, patutkah Flame menerimanya? Beri alasan kepada jawapan anda.

[15 markah]

- (b) Huraikan ciri-ciri persekitaran pengilangan maju dan kaitkannya dengan kebangkitkan pengekosan berasaskan aktiviti.

[10 markah]

5. (a) Pada awal tahun 1994, Syarikat Beal menerima-pakai piawaian berikut:

Bahan langsung:	3 kg @ RM2.50	RM 7.50
Buruh langsung:	5 jam @ RM7.50	37.50
Overhed kilang:		
Boleh ubah	RM3 sejam buruh	15.00
Tetap	RM4 sejam buruh	20.00
		<hr/>
		RM80.00
		=====

Volum pengeluaran biasa sebulan ialah 40,000 jam buruh piawai. Belanjawan syarikat bagi bulan Januari 1995 berasaskan volum pengeluaran biasa. Dalam bulan Januari, Beal mengeluarkan 7,800 unit yang mana rekod perakaunan menunjukkan:

Belian bahan langsung	25,000 kg @ RM2.60
Bahan langsung digunakan	23,000 kg
Buruh langsung	40,100 jam @ RM7.30
Overhed kilang	RM300,000

Dikehendaki:

- (i) Sediakan senarai belanjawan kos pengeluaran bagi Januari 1995 berasaskan pengeluaran 7,800 unit.

...6/-

- (ii) Bagi bulan Januari 1995, kirakan varians-variens berikut dan tunjukkan sama ada positif atau negatif:
- harga bahan mentah
 - kuantiti bahan mentah
 - kadar buruh langsung
 - kecekapan buruh langsung
 - belanja overhead
 - kecekapan overhead
 - kapasiti overhead
- (iii) Terangkan sebab syarikat mengalami varians kecekapan overhead dan varians kapasiti overhead.
- (iv) Sarankan individu yang mungkin bertanggungjawab atas varians-variens yang dikira di (ii).

[17 markah]

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kos kualiti? Bezakan pandangan tradisional tentang penggantian (trade-off) antara kos-kos kualiti dengan pandangan semasa tentang tanpa cacat (zero defect).

[8 markah]

---ooo000ooo---